

UCAPAN PERASMIAN

OLEH

YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH HASHIM

**KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR ON FOOD SAFETY 2021
SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)**

PADA

21 SEPTEMBER 2021, SELASA

JAM 09.30 PAGI

(Terima kasih pengerusi majlis)

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera,

Pengurusan Tertinggi Agensi Nuklear Malaysia

Rakan-rakan kerjasama

Dif-dif jemputan / Ketua-ketua jabatan

Para pembentang kertas kerja

Wakil-wakil media massa dan Tuan-tuan dan Puan-puan, sidang hadirin yang dihormati sekalian.

1. Pertama sekali, ingin saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta rahmatnya, maka dapatlah kita bersama-sama pada pagi ini di majlis perasmian “**Seminar on Food Safety 2021**”. Seminar kali ini yang bertemakan **Safety, Quality and Authenticity** yang merupakan kesinambungan ke atas kesejahteraan hidup dan kesihatan kita khususnya.

2. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur, Pusat Kecemerlangan Nuklear (CoNE) di atas kesudian menjemput saya merasmikan Seminar on Food Safety 2021 kali ke 9 ini. Syabas saya ucapkan kepada pihak penganjur dan juga organisasi yang menyokong, para pembentang kertas kerja, para peserta dan semua yang terlibat menjadikan seminar ini sebagai satu lagi usaha murni bagi meningkatkan tahap kepentingan keselamatan makanan di Malaysia.

3. Tahniah juga saya ucapkan kerana seminar ini berjaya mengumpulkan ramai cendekiawan dan ahli profesional dari pelbagai Agensi kerajaan dan juga industri. Saya berharap, peluang berinteraksi dengan pakar-pakar dalam seminar ini, akan digunakan oleh semua, lebih-lebih lagi untuk mewujudkan jalinan dan hubungan kerjasama bagi merancang arah tuju dan standard keselamatan makanan di dalam era yang mencabar ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

4. Keselamatan makanan diertikan sebagai makanan yang selamat iaitu bebas dari mengandungi unsur-unsur yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Kemudaratan yang boleh dibawa oleh makanan dikaitkan dengan pencemaran yang datang dari persekitaran di mana makanan tersebut dihasilkan - dari ladang, dari kilang, dari tempat penyimpanan hingga ke meja pengguna. Faktor keselamatan makanan adalah sebahagian dari masalah kesihatan umum yang perlu ditangani oleh pihak yang berwajib dan dilakukan dengan efektif dan selektif,

5. Untuk makluman semua, semenjak 1980 an, penyelidikan berkaitan penggunaan sinaran ke atas hasil pertanian dan produk makanan Malaysia telah dijalankan oleh Nuklear Malaysia bersama agensi lain. Hasilnya, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan penjualan makanan disinarkan di Malaysia di bawah Peraturan Peraturan Iradiasi Makanan 2011 berkuatkuasa pada Oktober 2013. Nuklear Malaysia turut mempunyai kemudahan penyinaran, Sinagama yang memberi khidmat penyinaran kepada industri makanan mengikut peraturan penyinaran makanan serta standard antarabangsa. Nuklear

Malaysia mempunyai kepakaran dalam teknologi ini dan juga aktif memberi latihan/khidmat nasihat dan juga program pendidikan kepada pelbagai pihak seperti industri makanan, pengguna dan penguatkuasa peraturan. Teknologi penyinaran berkesan sebagai satu teknologi alternatif memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti industri makanan, petani dan pengguna.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati,

6. Walaupun pembangunan teknologi dan inovasi dalam industri makanan sedang rancak dilaksanakan, kita semua diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir pandemik COVID-19 bermula Januari 2020. Potensi ketidakupayaan jaminan keselamatan makanan dalam mengharungi krisis pandemik COVID-19 menyebabkan banyak negara terutama yang sedang membangun, berusaha menggembeleng tenaga dalam mengoptimumkan sumber semula jadi. Ini bagi memastikan sektor pertanian kekal berfungsi seperti biasa dalam membekalkan makanan berkualiti yang mencukupi dengan harga berpatutan serta pengguna dapat mengakses bekalan mentah di saat kawalan pergerakan dan kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu, kita perlu mengambil peluang melalui krisis

COVID-19 ini untuk meningkatkan pengeluaran dalaman terutama sekali daripada sektor pertanian dan makanan asas.

Nuklear Malaysia telah membangunkan prosidur propagasi melalui teknologi kultur tisu dan biakbaka mutasi menggunakan sinaran gama secara akut dan kronik bagi tujuan pembaikbakaan benih tanaman berkualiti tinggi dan sedia dikomersilkan untuk penanaman secara skala kecil dan besar.

Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan dan memastikan kelestarian jaminan makanan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

7. Dari perspektif keselamatan makanan, tidak dapat disangkal bahawa Sains mempunyai peranan yang penting dalam pemonitoran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang, dan juga pada peringkat '*upstream*' penyelidikan dalam menentukan tahap jaminan, kualiti, keselamatan dan kesahihan (*authenticity*) makanan yang pastinya memerlukan kerjasama di antara pelbagai agensi.

Peningkatan mendadak jumlah dagangan global dan rangkaian bekalan yang kompleks antara faktor menimbulkan banyak isu berkaitan ketidaktulenan dan keselamatan makanan. barangan komoditi terdedah kepada amalan penipuan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada pengguna. Keupayaan menentukan kebolehesanan makanan adalah penting dalam kawalan kualiti dan keselamatan makanan. Berbeza dengan kaedah konvensional yang mengesan perjalanan produk berdasarkan label pada pembungkusan. teknik pencapjarian isotop stabil terbukti berkesan untuk membezakan makanan daripada asalan geografi berbeza dan juga menentu sahkan makanan autentik atau tulen. Sistem kebolehesanan ini telah digunakan oleh negara-negara maju untuk membenters penipuan produk premium makanan mereka seperti arak, keju, madu, jus minuman dan lain-lain. Nuklear Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kimia dan Institut Genom sedang membangunkan `standard' untuk ketulenan produk madu bagi membantu industry madu yang merupakan `superfood Malaysia.

Justeru, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang menyokong penganjuran seminar ini yang secara langsung juga menyokong aktiviti yang dijalankan untuk memastikan kelestarian keselamatan makanan di Malaysia. Terima kasih kepada Jabatan Standards Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia , KKM, KPDNHEP, JAKIM, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Veterinar Malaysia, MPOB, MARDI, UPM, UKM dan Syarikat Synergy Sterilisation Sdn Bhd.

9. Saya benar-benar berharap Seminar ini menjadi satu permulaan yang baik dan diharapkan berupaya menjadi pencetus dan pendorong kepada penglibatan semua sektor, baik kerajaan mahupun swasta untuk memastikan dan menjamin keselamatan makanan di Malaysia.

11. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini akan sama-sama berbincang untuk menghasilkan rumusan menyeluruh yang boleh membantu meningkat usaha ini.

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati,

12. Akhir sekali saya berharap agar hadirin dan hadirat sekalian memperoleh manfaat sebaik mungkin daripada Seminar ini seterusnya kembali kepada Agensi masing-masing dengan penuh semangat dan kesedaran sebagai pendorong kita dalam usaha memastikan keselamatan makanan sentiasa ditahap yang terbaik.

13. Sekian, saya ucapkan 'selamat berseminar' dan dengan lafaz **bismillah al-rahman al-rahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan "***Seminar on Food Safety 2021***".

Sekian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.